



Bintulu Port Holdings Berhad

KENYATAAN AKHBAR Untuk Siaran Segera 25 Februari 2021

Perolehan Operasi Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad Meningkatkan 2.98% Bagi Dua Belas Bulan Tahun 2021

Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad (BPHB) telah mencatat peningkatan perolehan operasi sebanyak 2.98% kepada RM728.39 juta (12M 2020: RM707.31 juta) bagi tempoh dua belas (12) bulan berakhir 31 Disember 2021.

Perolehan yang dijana dari perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu adalah RM548.12 juta berbanding RM549.82 juta dalam tempoh dua belas bulan tahun sebelumnya. Pelabuhan Samalaju menjana perolehan sebanyak RM136.90 juta berbanding RM111.08 juta, sementara perolehan dari kemudahan pukal minyak sawit adalah RM43.37 juta berbanding RM46.42 juta dalam tempoh yang sama. Perbelanjaan bagi tempoh 12M 2021 berjumlah RM633.13 juta, meningkat 3.26% berbanding RM613.13 juta (12M 2020). Peningkatan perbelanjaan adalah disebabkan oleh pembaikan dan penyelenggaraan kemudahan pelabuhan, peningkatan kos susutnilai hak penggunaan aset yang diiktiraf mengikut *MFRS 16: Sewapajak* bagi penyewaan tambahan bot-bot tunda bagi operasi pelabuhan dan sewapajak tambahan ke atas Jeti LPG.

Walaupun persekitaran mencabar yang disebabkan oleh penularan semula pandemik Covid-19 kepada rantai sektor logistik pada 2021, keuntungan sebelum cukai Kumpulan yang dicapai untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 sebanyak RM126.32 juta adalah setanding dengan tahun kewangan berakhir 2020 sebanyak RM126.67 juta.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, keuntungan selepas cukai Kumpulan meningkat kepada RM363.19 juta daripada RM93.30 juta pada tahun sebelumnya disebabkan pengiktirafan "one-off" aset cukai tertunda berjumlah RM264.52 juta daripada pengiraan elaun cukai pelaburan yang belum digunapakai oleh Samalaju Industrial Port Sdn Bhd.

Perolehan sesaham Kumpulan meningkat kepada 78.95 sen berbanding 20.28 sen dalam tempoh tinjauan. Bagi suku keempat 2021, Kumpulan BPHB mengisytiharkan dividen interim setingkat keempat sebanyak 3.00 sen sesaham, yang akan dibayar pada 14 April 2022. Jumlah dividen yang diisytiharkan sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak 12.00 sen sesaham (12M 2020: 10.00 sen sesaham).

Dalam tempoh dua belas bulan 2021, keseluruhan pengeluaran kargo dalam Kumpulan BPHB mencapai 47.16 juta tan, turun 0.93% berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Bagi tahun 2022, Kumpulan menjangkakan akan mempunyai momentum positif pada pengeluaran kargo daripada sektor LNG, Minyak Sawit, Pukal Kering dan Kontena dengan andaian ekonomi global terus pulih secara beransur-ansur daripada kesan wabak Covid-19. Kumpulan Pelabuhan Bintulu kekal siap-siaga dan terus berusaha untuk mencapai misi syarikat iaitu memberikan kecemerlangan operasi & memastikan kelestarian jangka panjang berdasarkan 3P (*Profit, People & Planet*).

****TAMAT****

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Mervin Garawat
No Telefon: [086-291256](tel:086-291256) or Emel: mervin@bintuluport.com.my
Unit Perhubungan Pelabur, Bintulu Port Holdings Berhad